

# SPL BANTU TINGKATKAN HASIL PERTANIAN NEGARA

NST 26/11/2011 11

Bidang pertanian merupakan antara penyumbang sumber ekonomi negara yang mempunyai pasaran luas dan sentiasa mendapat permintaan tinggi daripada negara-negara luar mahupun dalam kalangan masyarakat tempatan. Melihat akan kepentingan-kepentingan ini, Universiti Malaysia Sabah telah menubuhkan Sekolah Pertanian Lestari pada 4 Mei 2006 bagi membantu melengkapkan ilmu dan kemahiran kepada masyarakat agar mampu menjadi modal insan kelas pertama dalam bidang pertanian, dan akhirnya mampu membantu meningkatkan hasil dan ekonomi pertanian negara berlandaskan tiga prinsip utama iaitu lestari, peka dan berteknologi tinggi. Selain itu, sekolah ini juga sekaligus berperanan merangka dan menyalurkan pengetahuan terkini (advanced knowledge) dalam bidang pertanian berdasarkan penyelidikan terkini (cutting edge research). Misi utama Sekolah ini adalah menjadi pusat ilmu pertanian yang terunggul dan diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui pembelajaran, penyelidikan, inovasi dan pengembangan pertanian lestari. Terdapat 3 program pengajian yang ditawarkan di Sekolah Pertanian Lestari, iaitu Program Pengeluaran Tanaman (HG34), Program Hortikultur dan Landskap (HG35) dan Program Pengeluaran Ternakan (HG36). Kesemua program ini mengambil tempoh masa 4 tahun pengajian. Tahun 2011 menyaksikan seramai 64 mahasiswa dan mahasiswi daripada ketiga-tiga program yang akan bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMS ke-13.

## MATLAMAT SEKOLAH

Melahirkan graduan berinovatif yang dapat menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan dalam bidang



pertanian serta mampu bersaing di peringkat negara dan antarabangsa.

## OBJEKTIF SEKOLAH

Melatih dan membangun tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pertanian bagi membantu meningkatkan produktiviti pertanian negara melalui pengajaran, pembelajaran dan bimbingan yang efektif; Mendedahkan dan menggalakkan pelajar supaya berminat dalam penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian; Mewujudkan pusat rujukan ilmu pertanian melalui penyediaan khidmat makmal dan ladang pertanian yang lengkap dan berteknologi tinggi serta secara tidak langsung, menggalakkan perkembangan penyelidikan pertanian yang komprehensif dan terfokus; Menyampaikan dan mengaplikasikan hasil penyelidikan kepada masyarakat dan pihak berkepentingan melalui media massa, dokumentasi visual, seminar, persidangan dan penerbitan.

## PENCAPAIAN-PENCAPAIAN SEKOLAH

Antara pencapaian-pencapaian yang membanggakan adalah:

- Penyertaan dalam MAHA 2008
- Penyertaan dalam Floria Putrajaya 2010
- Penglibatan Sekolah dalam perharian Dewan Canselor UMS sempena Konvokesyen UMS ke-11 (2009) dan ke-12 (2010)
- Johan Debat Piala Naib Canselor 2011
- Pelajar SPL menjayakan Program Keusahawanan Tani 2011, Sandakan

## AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN

Penyelidikan yang giat dibuat di Sekolah Pertanian Lestari adalah bidang yang melibatkan penambahbaikan varieti padi melalui bioteknologi, pengurusan kesuburan tanah, teknologi biji benih, pengurusan makhluk perosak, patologi tanaman kelapa sawit, penggunaan bioarang, tisu kultur orkid dan sebagainya.

## PROSPEK KERJAYA PELAJAR YANG BERGRADUAT DARI SPL

Pengeluaran Tanaman

- Penggubal dan Pelaksana Dasar Pertanian
- Pegawai Pertanian
- Konsultan Pertanian
- Pegawai Kuarantin
- Agronomis
- Pegawai Kredit Pertanian
- Pegawai Komunikasi Pertanian
- Pengawal Makhluk Perosak
- Pembiajukan Tanaman
- Pensyarah/Tutor
- Penyelidik/Saintis

Hortikultur dan Landskap

- Hortikulturis

- Pereka Landskap
- Konsultan Landskap
- Pegawai Kuarantin
- Pegawai Pertanian
- Pegawai Kredit Pertanian
- Pengawal Makhluk Perosak
- Pembiajukan Tanaman
- Pensyarah/Tutor
- Penyelidik/Saintis

Pengeluaran Ternakan

- Pegawai Ternakan
- Pegawai Ladang
- Pegawai Kuarantin
- Pembiajukan Ternakan
- Pensyarah/Tutor
- Penyelidik/Saintis
- Pegawai Kredit Pertanian

Kompleks Sekolah Pertanian Lestari yang kini beroperasi sepenuhnya di Kampus UMS cawangan Sandakan sejak awal September 2011 menyediakan pelbagai kemudahan dan prasarana lengkap kepada mahasiswa dan mahasiswi. Kompleks seluas 244.46 hektar ini dilengkapi dengan kolej kediaman, kafeteria, bangunan pentadbiran, makmal-makmal umum serta penyelidikan selain bilik tutorial dan kuliah yang dilengkapi dengan sistem audio dan visual. Disamping itu, ia juga dilengkapi dewan serbaguna serta plot tanah yang luas untuk aktiviti penyelidikan dan kerja lapangan sekaligus membolehkan para pelajar menikmati suasana pembelajaran yang selesa dan kondusif. Sempena Majlis Konvokesyen UMS ke 13 ini, syabas dan tahniah diucapkan kepada graduan-graduan Sekolah Pertanian Lestari!